

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

'Turun harga bahan, bukan boikot kedai'

# 'Turun harga bahan, bukan boikot kedai'

PRMK harap kerajaan cari penyelesaian segera bantu pemain industri

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN  
KOTA BHARU

Kerajaan sepertutnya menurunkan harga bahan mentah seperti minyak masak, ayam, daging dan sayur sebelum mengajak rakyat memboikot kedai makan atau restoran yang menjual makanan mahal.

Pengerusi Persatuan Restoran Melayu Kelantan (PRMK), Nik Hassan Mohd Zain berkata, tindakan bersifat politik itu dilihat tidak sesuai pada saat pemain industri berdepan dengan tekanan harga bahan mentah yang tinggi ketika ini.

"Macam mana harga nak turun sedangkan bahan mentah semakin hari semakin naik. Kami pemain industri sudah berdepan pelbagai tekanan dengan peningkatan kos ketika ini."

"Sudahlah begitu, kesan serangan pandemik Covid-19 lalu masih lagi dirasai sehingga hari ini. Situasi ini menyaksikan kami memerlukan masa untuk bangkit semula," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menurutnya, PRMK berharap kerajaan dapat mencari penyelesaian segera dalam membantu meredakan tekanan yang dialami oleh pemain industri.

Ujarnya, selain peningkatan kos pengurusan melibatkan sewa, pengangkutan dan lain-lain, mereka turut berdepan dengan pelaksanaan gaji minimum.



NIK HASSAN

Nik Hassan memberitahu, keadaan ekonomi yang masih belum pulih akibat Covid-19 memberikan kesukaran kepada mereka untuk melaksanakan arahan kerajaan itu.

"Jadi bantulah kami dengan turunkan dan kawal harga barang, bukan ajak rakyat memboikot," ujarnya.

Sebelum ini, media melaporkan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli mencadangkan supaya rakyat memboikot kedai makan dan restoran yang gagal menurunkan harga meskipun kos bahan mentah dalam pasaran kini menunjukkan penurunan.

Rafizi dilapor mengakui kerajaan tidak campur tangan terhadap kenaikan harga dan mengharapkan kerjasama orang ramai untuk memulaukan premis terlibat.